

>>Oleh Bazly Azmi

bazly@hmetro.com.my

PERGESERAN antara jaguh lompat tinggi, Najwan Aqra Hassaim (gambar) dengan Timbalan Presiden Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM), Karim Ibrahim menyumbang penubuhan badan penyiasat bebas dipengerusikan, Profesor Datuk WY Chin, semalam.

Keputusan itu dibuat Mesyuarat Exco KOAM dengan tugas utama badan 'ad hoc' terbabit ialah meneliti surat penjelasan membabitkan Najwan dan Karim sepanjang pergeseran lebih dua minggu lalu.

Karim berkata, badan penyiasat itu diharap memenuhi segala permintaan Najwan, yang mahukan penjelasan KOAM mengenai penggugurnya daripada tiga kejohanan sebelum ini.

"Badan penyiasat ini ialah jawatankuasa bebas yang tidak terikat dengan mana-mana pihak. Mereka akan menilai kronologi permasalahan ini dan diharap, penyelesaiannya akan menggembirakan kedua-dua pihak."

"Saya sedia memberi kerjasama dan diharap begitu juga Najwan. Malah sebagai langkah awal, saya sudah menyerahkan semua surat

Pergeseran disiasat

KOAM tubuh badan penyiasat bebas selesai pertikaian antara Karim dan Najwan

penjelasan sebelum ini untuk dinilai," katanya.

Minggu lalu, Najwan mendakwa sedang mempertimbangkan perlantikan peguam bagi mengheret Karim ke mahkamah selepas gagal membalsas surat tunjuk sebab penggugurnya daripada Grand Prix India pada 4-8 April lalu, Terbuka Kedah (8-9 Mei) dan Terbuka Filipina (9-11 Mei).

Pergolakan itu turut memaksa campur tangan Majlis Sukan Negara (MSN) diawalki

Pengarah Cawangan Elit, Ariffin Ghani, yang bertindak sebagai pihak ketiga dalam usaha mendamaikan kedua-duanya.

Begitupun, Karim mengakui terkilan mengenai isi kandungan dua khidmat pesanan ringkas (SMS) diberikan oleh Najwan.

"Saya sifatkan kandungannya sebagai sesuatu yang tidak sihat daripada atlit yang bergelar penuntut UPM (Universiti Putra Malaysia).



Badan penyiasat ini ialah jawatankuasa bebas yang tidak terikat dengan mana-mana pihak. Mereka akan menilai kronologi permasalahan ini dan diharap penyelesaiannya akan menggembirakan kedua-dua pihak

Saya sudah menunjukkannya (SMS) kepada badan penyiasat tapi tidak membuat laporan polis.

"Setakat ini, keadaan masih terkawal namun, saya tidak menolak untuk membuat laporan polis jika keadaan meaksi," katanya.

Mengenai status Najwan, Karim berkata: "KOAM menganjurkan keputusan menggantung penyertaannya pada kejohanan antarabangsa selagi kes ini tidak selesai. Tapi, dia bebas menyertai kejohanan tempatan," katanya.